

11/03/1998

Myanmar perlu lebih toleransi

A Nazri Abdullah in Yangon

YANGON, Selasa - Berpegang kepada prinsip pendekatan membina, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan harapan agar pemerintah tentera Myanmar tidak mengetepikan pandangan dan nilai-nilai sejagat yang diterima oleh masyarakat antarabangsa.

Perdana Menteri berpendapat, walaupun pemimpin berhak memerintah, Myanmar sebagai sebuah negara sentiasa terdedah kepada pandangan orang lain.

Tanpa merujuk secara khusus kepada proses demokrasi, beliau berharap perlembagaan baru yang digubal sejak 1993 dapat dipercepatkan sejajar dengan semangat yang ditunjukkan oleh Myanmar ketika menyertai Asean tahun lalu.

Malaysia adalah penyokong kuat kemasukan Myanmar ke dalam Asean walaupun kuasa Barat, khususnya Amerika Syarikat, cuba menentang atas alasan Myanmar tidak menghormati hak asasi manusia. Malaysia berpendirian Myanmar berhak menentukan masa depannya dan sebarang tekanan tidak akan membantu negara ini mengubah dasarnya.

Bercakap kepada wartawan Malaysia di sini semalam, Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Perdana Menteri memahami masalah yang tidak mudah diselesaikan, khususnya perkongsian kuasa di kalangan 135 etnik di Myanmar.

Sejak lima tahun lalu, tidak banyak kemajuan dicapai oleh konvensyen kebangsaan bagi menggubal perlembagaan baru kerana keengganan beberapa kumpulan etnik meletak senjata.

Dalam pertemuan lebih dua jam, Dr Mahathir mengambil kesempatan menjelaskan kepada Pengerusi Majlis Pembangunan dan Keamanan Negara (SPDC), Jen Than Shwe dan pemimpin kanan Myanmar betapa pentingnya sikap toleransi dalam sebuah negara berbilang bangsa.

Dengan menggunakan contoh Malaysia, Perdana Menteri berharap Myanmar yang juga berbilang kaum menunjukkan sikap toleransi dalam hal berkaitan agama.

Sehubungan itu, Perdana Menteri meminta Myanmar mengenal pasti rakyatnya yang masuk ke Malaysia tanpa izin, termasuk pelarian Rohingya yang mendakwa ditindas oleh Kerajaan Myanmar.

Jen Than Shwe menyambut baik permintaan Malaysia dan berjanji menghantar pegawai kanannya membantu Kedutaan Myanmar di Kuala Lumpur bagi menangani masalah ini.

Kebanjiran pendatang tanpa izin dari Myanmar menimbulkan masalah kerana mereka tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan diri yang dapat membuktikan mereka rakyat Myanmar.

Menurut Abdullah, Perdana Menteri juga menjelaskan usaha yang diambil bagi menjayakan persetujuan Asean menguatkan perdagangan di kalangan negara anggota menggunakan mata wang masing-masing.

Myanmar yang menyokong kaedah ini turut mengalu-alukan cadangan Malaysia meningkatkan perdagangan dua hala melalui pertukaran barangan kerana mereka juga mengalami masalah kewangan.

Menurut Jeneral Than Shwe, Myanmar sentiasa bersedia menukar barangannya terutama makanan dengan barangan Malaysia seperti peralatan pertanian yang menjadi sektor terpenting ekonomi negara ini.

Kedua-dua pemimpin juga bersetuju meneruskan program lawatan pegawai kanan dan Malaysia sedia menerima pegawai luar pertanian Myanmar mempelajari pengalaman Malaysia di bidang pertanian.

Mengenai permohonan Myanmar supaya Malaysia meningkatkan pelaburannya, Dr Mahathir berkata minat pelabur Malaysia tidak berubah, cuma keadaan ekonomi memaksa mereka menangguhkan sesetengah pelaburan.

(END)